

NO SOALAN: 42

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **YB DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA**

SOALAN : **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah agihan dana yang telah diterima untuk setiap negeri di dalam Projek Estet Padi NKEA dan apakah masalah-masalah yang timbul dalam melaksanakan program ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Agihan peruntukan bagi *Entry Point Project #11* (EPP#11): Penanaman Padi Di Kawasan Lain di bawah Program NKEA Pertanian adalah disalurkan untuk dilaksanakan oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan agensi berkaitan lain seperti berdasarkan komitmen dan keperluan tahun tersebut bagi syarikat-syarikat peneraju yang telah dilantik. Keperluan peruntukan bagi syarikat peneraju yang telah dilantik pula adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Pemandu NKEA Pertanian yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Program EPP#11 ini melibatkan pelaksanaan oleh Kementerian Pemodenan Pertanian Sawarak (MOMA), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI), IADA Barat Laut Selangor, IADA Kemasin Semerak, IADA Kerian, IADA

Seberang Perak, IADA Ketara, IADA Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Secara keseluruhan, sebanyak RM421.4 juta peruntukan telahpun disalurkan bagi pelaksanaan EPP#11. Jumlah peruntukan yang telah diagihkan mengikut kawasan adalah seperti berikut:

Bil.	Kawasan	Agihan Peruntukan
1	MOMA	RM118.2 juta
2	MAFI	RM30.7 juta
3	IADA Barat Laut Selangor	RM42.9 juta
4	IADA Kemasin Semerak	RM17.2 juta
5	IADA Kerian	RM54.8 juta
6	IADA Seberang Perak	RM31.5 juta
7	IADA Ketara	RM41.3 juta
8	IADA Pulau Pinang	RM47.2 juta
9	KADA	RM37.7 juta

Di bawah Program NKEA Pertanian, kaedah penyaluran peruntukan kepada syarikat peneraju adalah melalui tuntutan imbuhan balik di mana syarikat peneraju menyiapkan dahulu kerja yang perlu dilaksanakan dan mengemukakan tuntutan imbuhan balik kepada kerajaan bagi tujuan pembayaran. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian pelaksanaan program, terdapat beberapa syarikat peneraju yang menghadapi masalah dari segi kemampuan kewangan dan seterusnya kemampuan untuk melaksanakan tugas sebagai syarikat peneraju seperti yang dihasratkan bagi menjalankan pengurusan penanaman padi secara berpusat.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula cara MyDEPOSIT bagi rumah pertama mereka yang berpendapatan RM3,000 - RM10,000 dikurangkan kepada mereka yang berpendapatan RM1,500 - RM10,000. Ini melihat kepada jumlah pendapatan penduduk di sekitar luar bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Skim MyDeposit, Kerajaan telah menetapkan golongan sasar bagi skim ini adalah untuk golongan M40 iaitu mereka yang berpendapatan isi rumah RM3,000 hingga RM10,000 dan belum memiliki rumah.

Manakala bagi golongan B40 iaitu mereka yang berpendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah, Kerajaan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut menyediakan program-program dan skim perumahan yang bersesuaian seperti berikut:-

(i) Projek Perumahan Rakyat (PPR);

Mensasarkan golongan berpendapatan isi rumah RM2,500 dan ke bawah serta golongan setinggan.

(ii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP); dan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mensasarkan golongan berpendapatan isi rumah di antara RM750 hingga RM2,500.

(iii) Program Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M).

Kementerian menfokuskan pemohon yang baru berkahwin dan berpendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016